



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

SAMBUTAN HARI INOVASI DAN KECEMERLANGAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI TAHUN 2016

OLEH

**YB SENATOR DATO' DR. LOGA
BALA MOHAN
TIMBALAN MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN**

**Tarikh : 29 Nov. 2016
(Selasa)**

Masa : 2.30 pm

**Tempat : DEWAN SERBAGUNA,
BLOK 1,
ARAS 1, MENARA SERI
WILAYAH**

Terima kasih Saudara/ri

Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Seri

Adnan bin Hj. Md. Ikshan

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah

Persekutuan,

**Yang Berbahagia Datuk Hajah
Nor' Aini binti Abd. Wahab
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan dan Sosio-
Ekonomi)
Kementerian Wilayah
Persekutuan,**

**Ketua-Ketua Agensi di bawah
Kementerian Wilayah
Persekutuan,**

Setiausaha-Setiausaha Bahagian Kementerian Wilayah Persekutuan

**Pegawai-pegawai Kanan dari
KWP dan Agensi-agensi; dan
seterusnya,**

**Hadirin dan hadirat yang saya
hormati sekalian.**

**Salam Sejahtera, Salam
Inovasi, Salam Wilayahku
Ceria.**

**Terlebih dahulu saya ingin
merakamkan ucapan terima
kasih saya kepada
jawatankuasa pengajur
kerana telah sudi menjemput
saya untuk menyempurnakan
Majlis Perasmian Penutup
Sambutan Hari Inovasi dan
Kecemerlangan KWP Bersama
Agensi Tahun 2016 pada
petang ini.**

**Saya amat berbesar hati dan
berasa gembira kerana diberi
kesempatan untuk bersama-
sama dengan YBhg. Datuk
Seri/Datuk/Dato'/tuan-tuan
dan puan-puan yang hadir pada
majlis ini.**

Syabas juga saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan KWP Bersama Agensi Tahun 2016.

Sesungguhnya majlis pada hari ini tidak mungkin akan berjalan dengan lancar tanpa komitmen dan gandingan padu daripada hadirin/hadirat sekalian.

**Saya difahamkan bahawa
penganjuran majlis pada hari
ini merupakan gabungan dua
majlis iaitu Hari Inovasi dan
Majlis Kecemerlangan serta
melibatkan kolaborasi KWP
bersama Lima (5) Agensi di
bahawnya iaitu Dewan
Bandaraya Kuala Lumpur,
Perbadanan Putrajaya,
Perbadanan Labuan,**

**Majlis Sukan Wilayah
Persekutuan dan Perbadanan
Pembangunan Kampong Bharu.**

**Ini merupakan satu bentuk
pendekatan penganjuran yang
strategik dan menepati dasar
penjimatan yang sedang
dilaksanakan dan diamalkan
oleh pihak kerajaan.**

Ucapan tahniah juga ingin saya sampaikan kepada semua pihak yang bakal diangkat/dinobatkan sebagai pemenang dan penerima anugerah inovasi dan kecemerlangan pada hari ini.

Selain itu, penekanan kepada produktiviti dan inovasi akan menjadi tonggak utama dalam RMKe-11. Walaupun produktiviti dan inovasi diberikan penekanan dalam rancangan pembangunan yang lalu, namun kita belum mencapai hasil yang dihasratkan.

Oleh yang demikian, RMKe-11 akan membuat perubahan ketara ke arah mencapai matlamat peningkatan produktiviti dan inovasi – menggariskan strategi dan program khusus berteraskan keberhasilan bagi meningkatkan produktiviti dan menjana kekayaan melalui inovasi.

Lonjakan produktiviti dan inovasi ini akan menjadi asas kukuh kepada pembangunan ekonomi yang mapan, menjana peluang baharu dalam ekonomi dan memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat yang berterusan.

Bagi melonjakkan inovasi sebagai salah satu sumber penjana kecemerlangan organisasi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua warga KWP dan para hadirin sekalian agar berfikirlah dalam konteks yang lebih kreatif dan

**inovatif untuk menjana dan
mengekstrak idea-idea baharu
yang sesuai dan boleh
diadaptasi sebagai
pemudahcara dalam urusan
seharian.**

Di samping itu, penjawat awam adalah diseru bukan hanya perlu berfikir di luar kotak, tetapi juga bertindak di luar kotak bagi menzahirkan idea yang kreatif melalui tindakan yang inovatif dan tanpa had sempadan.

Dalam hal ini, antara pendekatan yang boleh diusahakan oleh Ketua-ketua Jabatan ialah mengadakan sesi percambahan idea melalui kumpulan yang kecil dalam kalangan rakan sejawat, memberikan insentif dalam bentuk ganjaran kewangan atau bukan kewangan,

menyediakan peluang kepada warga organisasi untuk menyertai latihan yang relevan bagi mempertingkatkan kemahiran dan memberi pengiktirafan kepada warga organisasi yang telah berjaya mencetus perubahan positif dalam organisasi.

Dengan ini, ekosistem dan cakna inovasi yang positif dapat diwujudkan dengan lebih berkesan dan optimum di tempat kerja.

Justeru, adalah menjadi keutamaan kepada kita, untuk terus mempergiatkan lagi daya usaha menyemarakkan budaya inovasi dan merencanakan kreativiti bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dilaksanakan cepat, tepat dan berkesan di hati rakyat Wilayah Persekutuan khususnya.

Ini bersesuaian dengan tema Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan KWP Bersama Agensi Tahun 2016 iaitu “Wilayahku Ceria Melakar Inovasi” yang direncanakan untuk dihayati secara holistik bersama.

Penganjuran Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan ini adalah bukti komitmen dan daya usaha warga kerja KWP dan Agensi dalam menjayakan sekaligus mendukung aspirasi negara untuk terus membudayakan inovasi dan kreativiti dalam tugas sehari-hari mereka.

**Bagi mengiktiraf sumbangan
dan kecemerlangan yang telah
digarap dan dilaksanakan oleh
warga KWP dan Agensi
sekalian terutama dalam
mencakna dan mengkonstruktif
idea-idea yang kreatif dan
inovatif serta berdaya kalis
cabaran,**

mereka-mereka yang terlibat secara agresif dan proaktif dalam merentasi sempadan inovasi dan kreativiti ini akan diberikan pengiktirafan dalam majlis yang gemilang ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua bakal penerima anugerah-anugerah inovasi pada tahun ini.

**Semoga dengan kejayaan yang
dikecapi oleh penerima
anugerah kali ini dapat
dicontohi oleh semua warga
KWP, Agensi dan jemputan
yang hadir dalam usaha
melestarikan pembudayaan
inovasi di agensi/Jabatan
masing-masing.**

Hadirin-hadirat sekalian,

RMKe-11 yang berasaskan

Strategi Pembangunan

Nasional Malaysia (MyNDS)

akan memberikan tumpuan

terhadap penyampaian

outcome berimpak tinggi yang

cepat kepada ekonomi modal

(*capital economy*) dan ekonomi

rakyat (*people economy*)

dengan kos berpatutan.

Bagi menyokong pelaksanaan enam teras strategik dan enam pemacu perubahan dalam RMKe-11 ini, Kerajaan akan mentransformasi perkhidmatan awam supaya lebih berpaksikan rakyat serta meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Transformasi ini bertujuan mengurangkan karenah birokrasi, hierarki dan membuat keputusan pada peringkat pusat dalam penyampaian perkhidmatan awam; meningkatkan bakat yang mempunyai pelbagai kemahiran; dan menyediakan pelbagai perkhidmatan yang lebih inovatif dan mudah diakses.

Transformasi paradigma dan corak pemikiran baharu setiap warga perkhidmatan awam dan organisasi perlu diberikan fokus dan tumpuan utama bagi merealisasikan aspirasi RMKe-11 dan pasca Wawasan 2020 kelak.

Dalam hubungan ini, inovasi dan kreativiti saling berkait sebagai medium terbaik Kerajaan mempelbagaikan program dan aktiviti kemasyarakatan berorientasikan kepada Konsep 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP),

**Program Transformasi Ekonomi
(ETP) dan Model Ekonomi Baru
(MEB) yang dapat memberikan
impak yang positif kepada
kesejahteraan rakyat
khususnya buat warga Wilayah
Persekutuan.**

Saya menyarankan supaya setiap organisasi di Wilayah Persekutuan dapat memberikan perhatian kepada penggunaan sumber yang ada secara optimum, mengurangkan pembaziran serta meningkatkan tahap kecekapan proses kerja dalam menyampaikan perkhidmatan mudah mesra dan efektif kepada rakyat.

Melalui pendekatan inovasi sosial berteraskan '*people centric*', Kementerian telahpun menggunakan pendekatan kreatif dengan menubuhkan pelbagai *Taskforce* bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan terpelihara.

Inovasi **S**osial **s**ebagai
contohnya **O**perasi **B**anteras
Akтивiti **H**aram **(OPS BAH)**
menggabungkan 23 agensi dan
13 **N**GO **y**ang
bertanggungjawab **d**alam
menangani **p**ermasalahan
social termasuklah:-

- 1) Judi Online;**
- 2) Pusat Hiburan;**
- 3) Penyalahgunaan dadah;**
- 4) Maksiat di bawah Akta Syariah;**
- 5) Pusat Urut;**
- 6) Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) menyalahgunakan permit kerja.**

Seterusnya, pengurusan gelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan satu bentuk inisiatif penggabungan bersama agensi dan NGO dalam mengurus tadbir Pusat Transit Gelandangan.

Selain itu, bagi memberi peluang keusahawanan kepada penduduk di Wilayah Persekutuan, Kementerian ini telah bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Malaya (UM) dalam menganjurkan Konvensyen Keusahawanan Online iaitu BizNet, ENTERWIP,

Food Truck dan lain-lain bertujuan untuk meningkatkan lagi pendapatan sekaligus manfaat tersebut dapat dikongsi bersama. Dari aspek lain pula, pendekatan baharu yang lebih kreatif dalam menangani urus tadbir air di Wilayah Persekutuan.

Pendekatan secara digital bagi projek rintis *water storage controlling system* melibatkan 20 tiub simpanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertujuan untuk membekal air mentah kepada industri dan juga mengatasi masalah banjir kilat yang sering melanda ibu kota apabila berlaku hujan lebat secara luar biasa.

Kerana hasil inovasi dan kreativiti penjawat awam inilah, bukan sahaja dapat mengatasi pelbagai masalah di Wilayah Persekutuan namun ia turut menyumbang kepada pelbagai kecemerlangan yang berjaya dilakar sehingga ke pentas globalisasi berdasarkan kepada pengiktirafan seperti berikut:

a) ***International***

Greentech & Eco Products

Exhibition & Conference

Malaysia (IGEM) 2016 di

KLCC kepada Kementerian

Wilayah Persekutuan;

b) Anugerah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Kategori Negeri-Teknikal dan Anugerah Pengarah INTAN (Pameran Terbaik) di Majlis Persada Inovasi dan Perkhidmatan Awam Malaysia kepada Kumpulan BOLT 3 dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan

c) Pencapaian “Gold Award” di *International Convention on QC Circle*, Bangkok, Thailand dan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) kepada Perbadanan Putrajaya;

Hadirin dan hadirat sekalian,

**Saya juga ingin menegaskan di
sini bahawa elemen inovasi dan
kreativiti amat penting dalam
perkembangan dan
kecemerlangan sebuah
organisasi, komuniti,
masyarakat dan juga negara
amnya.**

**Saya turut menyeru supaya
lebih banyak organisasi dan
Agensi Kerajaan dapat
menghasilkan pelbagai
produk/perkhidmatan
berorientasikan kepada
pendekatan secara kreatif dan
inovatif bagi tujuan
meningkatkan produktiviti
sekaligus merealisasikan
aspirasi RMKe-11 itu sendiri.**

Akhir kata, saya merakamkan jutaan ucapan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pengajur di atas daya usaha dan kerahan tenaga dalam melaksanakan kolaborasi pengajuran Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan KWP Bersama Agensi Tahun 2016 ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.